



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)													
2. <u>Kempen :</u>	KEMPEN MILO® TENAGA UNTUK KEBAIKAN													
3. <u>Tempoh Kempen :</u>	Fasa 1 - Peringkat Pendaftaran: bermula jam 14:00:00 pada 22/06/2026 dan tamat jam 23:59:59 pada 07/07/2026. Fasa 2 - Peringkat Negeri: bermula jam 00:00:00 pada 15/07/2026 dan tamat jam 23:59:59 pada 15/10/2026. Fasa 3 - Peringkat Kebangsaan: bermula jam 00:00:00 pada 21/10/2026 dan tamat jam 11:59:59 pada 27/10/2026.													
4. <u>Kelayakan:</u>	Hanya <u>200 buah sekolah rendah terpilih</u> yang memenuhi kriteria Kempen MILO® Tenaga Untuk Kebaikan seperti berikut, layak menyertai Kempen ini: (i) Kriteria 1: sekolah rendah yang mempunyai Kelab Alam Sekitar / Kelab Pencinta Alam / Kelab Kitar semula yang aktif; DAN (ii) Kriteria 2: sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid lebih daripada 500 orang Sekiranya bilangan sekolah yang mendaftar yang memenuhi syarat kelayakan Kriteria 1 dan 2 melebihi kuota yang diperuntukkan, keutamaan pemilihan akan diberikan kepada sekolah yang telah melengkapkan pendaftaran dalam tempoh terawal.													
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	Sila rujuk di bawah untuk senarai produk NESTLÉ UHT yang turut serta (“Produk NESTLÉ”): <table><tr><th>Jenama NESTLÉ</th><th>No</th><th>Produk</th></tr><tr><td rowspan="2">MILO® READY-TO-DRINK</td><td>1</td><td>MILO® UHT 125ml; 200ml & 1l</td></tr><tr><td>2</td><td>MILO® CALCIUM PLUZ UHT 200ml</td></tr><tr><td rowspan="2">NESTLÉ OMEGA PLUS</td><td>3</td><td>NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Plain Milk 200ml & 1l</td></tr><tr><td>4</td><td>NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Dark Chocolate 200ml</td></tr></table> Peserta juga boleh mengumpul pek UHT daripada jenama bukan NESTLÉ (“Produk Bukan NESTLÉ”) sempena Kempen ini.	Jenama NESTLÉ	No	Produk	MILO® READY-TO-DRINK	1	MILO® UHT 125ml; 200ml & 1l	2	MILO® CALCIUM PLUZ UHT 200ml	NESTLÉ OMEGA PLUS	3	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Plain Milk 200ml & 1l	4	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Dark Chocolate 200ml
Jenama NESTLÉ	No	Produk												
MILO® READY-TO-DRINK	1	MILO® UHT 125ml; 200ml & 1l												
	2	MILO® CALCIUM PLUZ UHT 200ml												
NESTLÉ OMEGA PLUS	3	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Plain Milk 200ml & 1l												
	4	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Dark Chocolate 200ml												

6. <u>Kaedah Penyertaan - FASA 1: Peringkat Pendaftaran</u>	<u>Fasa 1: Peringkat Pendaftaran</u> - Pihak sekolah yang memenuhi kriteria-kriteria yang dinyatakan di Perenggan 4 di atas hendaklah mengimbas kod QR yang disediakan dan melengkapkan borang pendaftaran di: https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/20/27E8EBC0-E5DC-47E9-B8F6-E9CE56BDC11D/fafuj6/v1.cfm?fbappiframe=false&cfid=51b1541c-8039-4c51-a676-fc394690d4f7&noback=false&uk=QUX4A1HRN3F&page=1&cftoken=0 dengan mengisi semua maklumat yang diperlukan ("Pendaftaran"). - Semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan hendaklah tepat, lengkap dan dihantar dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak penganjur. - Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan berhak ditolak oleh pihak penganjur. - Pihak sekolah perlu memenuhi semua kriteria wajib yang ditetapkan bagi melayakkan penyertaan ke peringkat penilaian negeri. - Hanya 200 sekolah yang terpilih akan diumumkan pada 10/7/2026 menerusi emel rasmi Kempen iaitu milo.energy4good@gmail.com.
7. <u>Kaedah Penyertaan - FASA 2: Peringkat Negeri</u>	<u>Fasa 2: Peringkat Negeri</u> - Hanya 200 sekolah yang terpilih ("Sekolah Turut Serta") layak menyertai Kempen ini di Peringkat Negeri. - Untuk menyertai Kempen ini di Peringkat Negeri, Sekolah Turut Serta perlu mengumpul Kotak Minuman Terpakai ("UBC"), termasuk jenama NESTLÉ dan jenama lain, daripada pelajar ("Peserta") sepanjang tempoh Kempen. Peserta-peserta digalakkan untuk turut serta secara aktif dalam Kempen ini. - Sekolah hendaklah mematuhi langkah-langkah berikut. - Lantikan Wakil Sekolah: - Sekolah dikehendaki melantik seorang (1) wakil sebagai guru penyelaras ("SPOC") daripada kalangan guru mereka. - SPOC perlu melantik 3-5 orang murid sebagai Ahli Jawatankuasa ("AJK"). Ibu bapa/penjaga kepada murid yang dilantik sebagai AJK wajib mengisi Borang Kebenaran Waris. - Proses Pengumpulan UBC: - SPOC dan AJK bertanggungjawab untuk memastikan bahawa UBC yang dikumpul adalah bersih, kering dan diratakan. - SPOC dan AJK akan mengasingkan UBC ke dalam beg jumbo yang disediakan. - KPT ("Ejen Pengumpulan") akan menjalankan pengumpulan UBC berdasarkan jadual yang ditetapkan dan dimuat naik menerusi laman sesawang Kempen. Ejen Pengumpulan yang hadir di Sekolah Turut Serta akan menjalankan langkah-langkah berikut: - Menimbang UBC di Sekolah Turut Serta; - Mengeluarkan Resit Fizikal ("Resit") kepada SPOC. - Paluan Sejati ("Ejen Lantikan") akan log masuk ke Dashboard MILO® Tenaga Untuk Kebaikan ("Dashboard") untuk mengemas kini berat UBC yang direkodkan dan muat naik imej Resit untuk setiap Sekolah Turut

Serta.

f. Pengumpulan Mata UBC:

- i. Sistem Mata UBC MILO® Tenaga Untuk Kebaikan (“Mata UBC”) memberi ganjaran kepada sekolah berdasarkan berat dan pengasingan UBC yang dikumpulkan. SPOC disarankan untuk mengasingkan produk NESTLÉ untuk memaksimumkan Mata.

ii. Peruntukan Mata:

Jenis UBC	UBC Diasingkan Dalam Dua Beg Mengikut Jenis	UBC Kedua-dua Jenis Bercampur Dalam Satu Beg
1 Kilogram (“KG”) UBC dari Produk NESTLÉ	3 Mata UBC setiap KG	1 Mata UBC setiap KG
1 KG UBC Produk Bukan NESTLÉ	1 Mata UBC setiap KG	

- iii. Berat UBC akan direkodkan sehingga satu (1) titik perpuluhan.

g. Semak Rekod Mata UBC:

- i. Setiap SPOC akan menerima satu (1) akaun log masuk unik ke Dashboard **untuk menyemak Mata** UBC dan menebus ganjaran (“Ganjaran”).
- ii. SPOC perlu menyimpan Resit yang dikeluarkan oleh KPT sebagai bukti pengumpulan. Resit ini mungkin diperlukan untuk pengesahan sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Pertikaian perlu dilaporkan kepada Ejen Lantikan selewat-lewatnya pada/sebelum jam 23:59:59 pada 15 Oktober 2026.
- iii. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Resit KPT yang tidak boleh dibaca, mengandungi maklumat yang tidak lengkap, disalin, tidak jelas, rosak, diubah suai, atau dipalsukan tanpa memberitahu Peserta. Penganjur juga boleh membatalkan sebarang Resit KPT dan Mata UBC jika disyaki terdapat unsur penipuan atau pemalsuan.

h. Penebusan Mata UBC melalui Laman Web:

- i. Sebaik sahaja jumlah Mata UBC yang diperlukan dicapai, SPOC boleh menebus Ganjaran mengikut langkah-langkah berikut.
- ii. SPOC perlu melayari Dashboard di:
<https://www.milo.com.my/ms/kelestarian/milo-tenaga-untuk-kebaikan-program-sekolah-2026>
dan log masuk ke Dashboard menggunakan maklumat yang diberikan.
- iii. SPOC boleh memilih untuk menebus item dari Katalog Penebusan MILO® Tenaga Untuk Kebaikan, antaranya:
- Set Sukan: Trek & Padang (150 Mata UBC)
 - Set Sukan: Ping Pong (200 Mata UBC)
 - Set Sukan: Bola Jaring (300 Mata UBC)
 - Set Bilik Darjah (200 Mata UBC)

	iv. Selepas menghantar permintaan penebusan, Mata UBC akan ditolak secara automatik dan SPOC akan menerima halaman Terima Kasih. Penghantaran Ganjaran akan diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh (90) hingga satu ratus dua puluh (120) hari bekerja dari tarikh pengesahan permintaan penebusan. v. Setiap sekolah hanya boleh menebus maksima satu (1) Set Sukan dan satu (1) Set Bilik Darjah sepanjang tempoh Kempen. vi. Penganjur berhak untuk mengesahkan dan mengaudit semua permintaan penebusan. Sebarang penebusan yang didapati tidak sah atau tidak mematuhi syarat akan dibatalkan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. i. Peserta boleh mengumpul UBC sebanyak mungkin sepanjang tempoh Kempen untuk menyumbang kepada jumlah kutipan UBC sekolah mereka. Bukti Pembelian ("POP") tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini. j. Penganjur akan mengekstrak semua data kutipan UBC yang diterima untuk tujuan pemprosesan, pengesahan, dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang kutipan yang tidak mematuhi terma dan syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan mematuhi garis panduan kutipan, perbezaan dalam berat yang direkodkan, dan/atau sebarang cubaan untuk memanipulasi atau memalsukan rekod kutipan UBC. Semua penyertaan akan diperiksa berdasarkan maklumat yang dihantar melalui Dashboard MILO® Tenaga Untuk Kebaikan. Sebarang kutipan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan oleh Penganjur tanpa sebarang pemberitahuan kepada peserta. k. Kutipan UBC mesti mengikut arahan yang telah disampaikan kepada SPOC. Penganjur berhak untuk meminta pengesahan daripada SPOC dan/atau KPT mengenai mana-mana rekod kutipan. Kegagalan untuk mematuhi arahan kutipan boleh mengakibatkan pembatalan dan kehilangan Mata UBC yang telah dikumpul.
8. <u>Hadiah – FASA 2: Peringkat Negeri</u>	<u>Fasa 2: Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri</u> a. Selain daripada Sistem Mata UBC & Penebusan Ganjaran, Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri akan diberikan kepada satu (1) sekolah bagi setiap negeri dengan Mata Purata tertinggi pada akhir Tempoh Promosi. b. Formula pengiraan Mata Purata: Jumlah Mata UBC terkumpul sepanjang Tempoh Kempen ÷ Bilangan Pelajar = Mata Purata. Contoh: i. Sekolah A mengumpul 3,000 Mata UBC sepanjang Tempoh Kempen dan Sekolah A mempunyai 1,000 orang pelajar. Mata Purata bagi Sekolah A: 3,000 Mata UBC ÷ 1,000 pelajar = 3 Mata Purata. ii. Sekolah B mengumpul 3,000 Mata UBC sepanjang Tempoh Kempen dan Sekolah B mempunyai 500 orang pelajar. Mata Purata bagi Sekolah B:

	3,000 Mata UBC ÷ 500 pelajar = 6 Mata Purata. iii. Sekolah B akan memenangi Anugerah Pengumpul Tertinggi. c. Satu (1) Sekolah Turut Serta dengan Mata Purata tertinggi mengikut negeri masing-masing akan memenangi Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri. Hadiah untuk Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri adalah: i. Piala/Plak; ii. Hadiah wang tunai berjumlah RM1,000; dan; iii. Sijil Pengiktirafan untuk sekolah, AJK murid dan SPOC. d. Semua murid AJK yang terlibat di peringkat negeri akan menerima sijil penyertaan serta pengiktirafan markah kokurikulum peringkat negeri. e. Hanya pemenang sekolah Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri perlu mengisi Borang Pengesahan Akaun Aktif bagi penyaluran hadiah wang tunai. f. Hadiah bagi Anugerah Pengumpul Tertinggi tidak boleh dipindahkan, ditukar, atau ditebus dengan wang tunai atau bentuk pampasan lain. g. Penganjur berhak untuk mengesahkan dan mengaudit data Mata UBC dan jumlah pelajar sebelum mengesahkan penerima anugerah. h. Sekiranya berlaku keputusan seri, pemenang akan ditentukan berdasarkan kriteria tambahan yang ditetapkan oleh Penganjur. i. Pengumuman rasmi Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Negeri akan dimaklumkan melalui emel rasmi milo.energy4good@gmail.com dan laman web Kempen MILO® Tenaga Untuk Kebaikan (https://www.milo.com.my/ms/kelestarian/milo-tenaga-untuk-kebaikan-program-sekolah-2026) pada 16/10/2026.
9. <u>Kaedah Penyertaan - FASA 3: Peringkat Kebangsaan</u>	<u>Fasa 3: Peringkat Kebangsaan</u> a. Pemenang-pemenang sekolah Anugerah Pengumpul Tertinggi dari setiap negeri akan mara secara automatik ke Peringkat Kebangsaan. b. Sekolah-sekolah yang mara ke Peringkat Kebangsaan perlu menghantar video rumusan ("Video Rumusan") yang memaparkan proses yang dilalui, usaha pasukan sekolah dan pembelajaran yang diperoleh daripada Kempen ini. c. Tempoh Video Rumusan adalah antara satu (1) hingga dua (2) minit. Video Rumusan tersebut hendaklah dimuat naik ke Youtube dan tetapkan privasi video sebagai "Tidak Tersenarai (Unlisted)". Salin pautan Video Rumusan tersebut dan hantar melalui laman web Kempen MILO Tenaga Untuk Kebaikan. d. Video Rumusan yang dijana oleh kecerdasan buatan (AI) adalah TIDAK DIBENARKAN dan setiap AJK DIWAJIBKAN untuk terlibat secara aktif di dalam penghasilan Video Rumusan ini. e. Penjurian dalaman adalah oleh wakil Penganjur dan wakil Kementerian Pendidikan (BSKK) berdasarkan video yang dihantar. f. Kriteria Penjurian Video Rumusan: i. Keselarasan dengan Tema (30%) – Video Rumusan memaparkan usaha pengumpulan UBC selama 3 bulan, meningkatkan kesedaran alam sekitar dan amalan lestari, serta menonjolkan pembelajaran dan perkongsian dalam komuniti sekolah.

	ii. Usaha dan Penyertaan (30%) – Pasukan menunjukkan penglibatan aktif murid dan komuniti sekolah; bilangan pelajar yang terlibat; menunjukkan kerjasama berpasukan. iii. Kreativiti dan Penceritaan (20%) – Pasukan menyampaikan idea yang asli dan menarik, naratif yang jelas dan mudah difahami. Penggunaan visual, muzik atau grafik untuk menambah daya tarikan. iv. Impak dan Hasil Pembelajaran (15%) – Penyampaian yang jelas dengan apa yang murid pelajari, menunjukkan perubahan sikap atau kesedaran terhadap tanggungjawab alam sekitar. v. Kualiti dan Teknikal (5%) – Kualiti video yang jelas (audio dan visual), mematuhi tempoh 1-2 minit, penyuntingan dan persembahan yang kemas.
10. <u>Hadiah – FASA 3: Peringkat Kebangsaan</u>	<u>Fasa 3: Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Kebangsaan</u> a. SPOC dan AJK yang dilantik dari pemenang-pemenang sekolah Anugerah Pengumpul Tertinggi dari setiap negeri akan dijemput untuk menghadiri dan menyertai secara fizikal ke Majlis Penyampaian Anugerah Pengumpul Tertinggi Peringkat Kebangsaan pada 4 November 2026. b. Segala persiapan dan pembiayaan pengangkutan, logistik dan tempat tinggal untuk kesemua SPOC dan AJK yang dilantik dari pemenang-pemenang sekolah Anugerah Pengumpul Tertinggi bagi setiap negeri akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Penganjur. c. Satu (1) sekolah yang mempunyai markah Video Rumusan yang tertinggi akan memenangi Anugerah Sekolah Pengumpul Tertinggi Peringkat Kebangsaan. Hadiah untuk Anugerah Sekolah Pengumpul Tertinggi Peringkat Kebangsaan adalah: i. Piala Pusingan x 1 unit; dan; ii. Hadiah wang tunai berjumlah RM1,000; dan; iii. Sijil Pengiktirafan untuk sekolah, AJK murid dan SPOC iv. Mata Kokurikulum Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) untuk AJK. d. Semua murid yang terlibat di peringkat kebangsaan akan menerima sijil penyertaan serta pengiktirafan markah kokurikulum peringkat kebangsaan. e. Hanya pemenang Peringkat Kebangsaan perlu mengisi Borang Pengesahan Akaun Aktif bagi penyaluran hadiah wang tunai.
11. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	a. Fasa 1 - Peringkat Pendaftaran: Semua Pendaftaran mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 07/07/2026. b. Fasa 2 - Peringkat Negeri: Semua Pengumpulan dan Penebusan Mata UBC mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 15/10/2026. Semua Pengumpulan dan Penebusan Mata UBC yang diterima di luar tempoh Kempen yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik. c. Fasa 3 - Peringkat Kebangsaan: Pemenang-pemenang sekolah Anugerah Pengumpul Tertinggi dari setiap negeri akan mara secara automatik ke Peringkat

	Kebangsaan. Tarikh akhir penghantaran video bagi Kempen Peringkat Kebangsaan adalah pada atau sebelum jam 11:59:59 pada 27/10/2026.
12. <u>Terma Tambahan:</u>	a. Sebarang Mata UBC yang tidak ditebus selepas tempoh Kempen akan terbatal secara automatik dan tidak boleh dipindahkan, dibawa ke hadapan, atau ditukar untuk Kempen lain pada masa akan datang. b. Item penebusan dan hadiah bagi Anugerah Pengumpul Tertinggi diberikan seadanya ("as is") dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain, atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Item yang telah ditebus juga tidak boleh ditukar, dipindahkan, atau dikembalikan dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk pampasan lain. c. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menggantikan mana-mana ganjaran penebusan UBC atau hadiah Anugerah Pengumpul Tertinggi dengan item lain yang mempunyai nilai setara pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal. d. Penganjur berhak untuk meminta sekolah turut serta untuk memberikan maklumat yang tepat, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat pendaftaran sekolah, maklumat SPOC, dan salinan asal Resit KPT untuk tujuan pengesahan sebelum penebusan dilaksanakan. Penganjur juga boleh meminta sebarang dokumen tambahan yang difikirkan perlu untuk tujuan pengesahan. Kegagalan untuk memberikan maklumat yang tepat atau penyerahan maklumat atau dokumen palsu akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan penarikan balik penebusan. e. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, pembatalan, penangguhan, perubahan atau pengubahsuaian dalam Kempen, Ganjaran UBC, atau Anugerah Pengumpul Tertinggi akibat keadaan yang di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keganasan, permusuhan, darurat nasional, atau wabak penyakit/pandemik) serta sebarang kegagalan atau kecuaiian oleh pembekal atau vendor pihak ketiga. f. Sebarang kos tambahan lain (contoh: kos perjalanan, kos pengangkutan) yang terlibat untuk menebus atau mengutip hadiah perlu ditanggung oleh Peserta dengan kos mereka sendiri. g. Paluan Sejati, iaitu Ejen Lantikan akan berperanan sebagai perantara komunikasi antara pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Pejabat Pendidikan Daerah. Taklimat serta hebahan kepada sekolah akan dilaksanakan oleh agensi yang dilantik.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.milo.com.my/ms/kelestarian/milo-tenaga-untuk->

[kebaikan-progam-sekolah-2026](#) secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini

dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di:
www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.